

16/01/1999

Kerajaan Pas diminta perjelas masalah projek air

PASIR MAS, Jumaat - Kerajaan Pas Kelantan diminta menubuhkan Suruhanjaya Diraja peringkat negeri atau menyediakan kertas putih berhubung masalah projek penswastan air yang dihadapinya sehingga didakwa menanggung hutang yang begitu besar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Ibrahim Ali, berkata penubuhan suruhanjaya itu perlu selaras dengan taraf kepimpinan Menteri Besar, Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai 'tok guru' yang mengamalkan sikap telus.

Kerajaan negeri juga diminta memaklumkan secara terbuka kepada rakyat Kelantan bagaimana boleh berlaku kesilapan ketika membuat perjanjian untuk menswastakan bekalan air kepada penduduk di negeri itu.

"Saya diberitahu kepimpinan Nik Aziz sedang berhadapan dengan masalah besar bersabit projek penswastan air yang bukan sahaja tidak dapat menyediakan bekalan sepenuhnya kepada rakyat tetapi terpaksa menanggung hutang besar.

"Jadi, kerana ia membabitkan sejumlah hutang dan bebannya pula terpaksa ditanggung oleh rakyat, maka wajar Nik Aziz yang selama ini melaungkan dasar keterbukaannya mencari jalan penyelesaian secepat mungkin supaya rakyat tidak terus menderita kerana ketiadaan bekalan air," katanya.

Beliau yang juga Ketua Umno bahagian Pasir Mas berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan zakat kepada golongan miskin kawasan Parlimen Pasir Mas di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubang Sepat, dekat sini hari ini.

Kerajaan negeri menswastakan bekalan air kepada Thames Water iaitu sebuah syarikat dari United Kingdom bagi meringankan beban tanggungannya ketika mula mengambil alih Kelantan daripada kerajaan Barisan Nasional (BN) selepas pilihan raya umum 1990.

Thames Water yang bergabung dengan Yayasan Kelantan Darulnaim kemudiannya mewujudkan anak syarikat Kelantan Water Sendirian Berhad (KWSB) mengendalikan konsesi terbesar pembekalan air di negeri ini.

Ibrahim yang juga ahli Majlis Tertinggi Umno, berkata hutang kerajaan negeri semakin meningkat menyebabkan Nik Aziz cuba mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Pusat dan memohon pertolongan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)